



Kamarul Zaman (dua dari kanan) melihat peralatan digunakan sindiket penyeludupan diesel di jeti berhampiran Sungai Tiram, Kota Tinggi, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)

Sindiket seludup diesel bersubsidi RM10.7j tumpas

Polis Johor tahan 19 suspek, rampas kapal tangki di jeti Sungai Tiram

Oleh Mohamed Farid Noh
farid_noh@bh.com.my

Kota Tinggi: Polis Johor mematahkan sindiket penyeludupan diesel bersubsidi terbesar di negeri ini, susulan rampasan sebuah kapal tangki serta 122,000 liter diesel bernilai RM10.7 juta, di sebuah jeti di Sungai Tiram, di sini, Ahad lalu.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat, berkata kejayaan itu hasil risikan dilakukan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Tinggi sebelum serbuan dilakukan kira-kira jam 1 pagi, Ahad lalu.

Katanya, seramai 19 suspek membabitkan 11 lelaki tempatan dan lapan lelaki warga asing, berusia antara 26 tahun dan 58 tahun turut ditahan di premis yang

dijadikan tempat transit penyeludupan diesel bersubsidi berhampiran jeti itu.

Modus operandi sindiket

“Menerusi siasatan, sindiket penyeludupan diesel bersubsidi ini dipercayai sudah beroperasi sejak sebulan lalu.

“Modus operandi sindiket ini adalah menjadikan lokasi sunyi dan jauh di pedalaman serta sukar dimasuki. Dalam kes ini, kawasan berhampiran sebuah jeti di Sungai Tiram dijadikan sebagai tempat transit penyeludupan minyak dari treler minyak ke kapal tangki sebelum dibawa ke perairan antarabangsa.

“Minyak diesel berkenaan dibeli pada harga subsidi RM2.15 seliter dan dijual pada harga RM3.50 di pasaran gelap antarabangsa,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di premis penyeludupan sindiket berkenaan di sebuah jeti berhampiran Sungai Tiram, semalam.

Yang hadir sama, Timbalan Ketua Polis Johor, Datuk Khaw Kok Chin dan Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Hussin Zamora.

Kamarul Zaman berkata, polis kini sedang menyasiat sumber

diesel yang cuba diseludup itu dan rangkaian pemasarannya di pasaran gelap.

“Namun, kita percaya ia bukan untuk pasaran tempatan kerana ia dibawa ke perairan antara-bangsa sebelum dijual.

“Kita berharap supaya pengusaha stesen minyak tampil bekerjasama membantu siasatan bagi memastikan kegiatan penyeludupan diesel dapat dihapuskan,” katanya.

Kamarul Zaman berkata, polis turut merampas, sebuah sistem GPS kapal dan tujuh hos berserta peralatan enjin pendingin.

6 suspek ada rekod kes dadah

Selain itu, katanya, semakan rekod ke atas semua suspek mendapati, enam daripada suspek tempatan mempunyai rekod lampau kesalahan dadah, manakala lapan suspek warga asing tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

“Kes diasiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961, yang memperuntukkan denda maksimum RM1,00,000, penjara maksimum tiga tahun atau kedua-duanya. Kes juga diasiasat mengikut Seksyen 6(1)(C) Akta Imigresen 1959/63,” katanya.